

14/06/2002

Malaysia kaya jika disiplin rakyat tinggi: PM

Khaidir Abdul Majid

LUXEMBOURG, Khamis - Malaysia boleh menjadi negara kaya seperti Luxembourg jika rakyat sanggup melaksanakan rancangan yang disusun kerajaan dengan disiplin tinggi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, walaupun Luxembourg kecil dengan penduduk hanya hampir 450,000 orang, ia berjaya mengubah kedudukannya daripada negara yang hanya bergantung kepada pengeluaran keluli, untuk menjadi antara pusat kewangan utama di dunia.

"Mereka boleh melaksanakannya kerana disiplin yang tinggi dan sokongan diberikan rakyat dalam menjayakan rancangan kerajaan. Kerajaan boleh merancang sesuatu untuk membangunkan negara tetapi ia tidak boleh berjaya kalau rakyat tidak memberi sokongan penuh.

"Seperti Dasar Ekonomi Baru, ia boleh berjaya 100 peratus jika segala peluang yang disediakan tidak disia-siakan," katanya dalam sidang akhbar di akhir lawatan tiga harinya ke sini hari ini.

Sebelum itu, beliau yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, mengadakan lawatan rasmi tiga hari ke Switzerland dan lawatan kerja sehari ke Vatican City.

Ditanya sama ada sikap rakyat Malaysia yang suka berpolitik adalah satu kelemahan dihadapi negara, Perdana Menteri berkata mereka boleh berpolitik tetapi biarlah secara membina.

"Di Luxembourg mereka berpolitik juga tetapi rakyat negara ini menyokong dan melaksanakan segala rancangan kerajaan untuk memajukan negara," katanya.

Beliau berkata, Luxembourg juga pernah miskin dengan banyak bergantung kepada industri keluli. Apabila menyedari industri keluli mereka diancam oleh persaingan dari Jepun dan Korea, kerajaannya menyusun strategi dengan mencari kegiatan ekonomi khusus untuk diceburi rakyat.

Mereka memilih untuk menceburi perkhidmatan kewangan, penyiaran dan pengendalian kargo udara serta berjaya melaksanakannya sepenuhnya sehingga membolehkan negara itu menikmati pendapatan perkapita AS\$27,000 berbanding AS\$4,000 di Malaysia.

"Kita juga boleh merancang dan mencari industri khusus untuk diceburi, tetapi kalau rakyat tidak melaksanakannya, rancangan itu tidak boleh berjaya," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Luxembourg Jean-Claude Juncker dan juga mengunjungi Grand Duke Henri di Istana Grand Ducal di sini semalam.

Hari ini beliau mengadakan pertemuan dengan Gabenor bank pusat Luxembourg, Yves Mersch dan juga melawat kilang International Engineering dan Electronics di Echternach, yang mengeluarkan pengesan elektronik bagi mengawal pelepasan beg udara dalam kenderaan.

Beliau turut mengadakan pertemuan dengan Naib Pengerusi Deutschbank, Lord Levene.

Ditanya sama ada Malaysia akan mengubah dasarnya daripada Pandang Ke Timur kepada

Pandang ke Barat memandangkan beliau berpendapat Malaysia boleh mempelajari sesuatu daripada Luxembourg, Dr Mahathir berkata:

"Ramai orang kata, bila kita pandang ke timur, kita tidak melihat kepada barat. Itu tidak benar. Sebenarnya dasar pandang ke timur adalah sebagai tambahan. Ini adalah kerana kalau kita lihat ke barat saja, tapi tidak melihat perkara yang berlaku depan mata kita, rugilah kita."

Mengenai isu dua hala antara Luxembourg dan Malaysia, Dr Mahathir berkata kedua-dua negara akan memeterai perjanjian pasaran ruang udara terbuka Ogos ini apabila Menteri Ekonomi dan Pengangkutan negara itu, Henri Grethen melawat Malaysia.

Di bawah perjanjian itu, syarikat penerbangan Malaysia dan Luxembourg bebas melancarkan seberapa banyak jumlah penerbangan antara kedua-dua negara. Selain itu, kedua-dua negara juga akan menandatangani perjanjian mengelak cukai berganda.

Turut serta dalam lawatan Dr Mahathir ke Luxembourg ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Gabenor Bank Negara Tan Sri Zeti Akhtar Aziz.

Luxembourg, juga dikenali sebagai Grand Duchy of Luxembourg, adalah negara kecil bersempadan dengan Jerman di utara, Belgium di barat dan Perancis di selatan.

(END)